

USIM buka peluang kepada pelajar Selatan Thai

SEREMBAN 24 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mempergiatkan usaha memperluaskan peluang pengajiannya di peringkat prasiswazah dan pasca siswazah kepada penuntut luar negara menerusi program Roadshow Promosi USIM di negara terpilih.

Terbaru, Pusat Perhubungan Antarabangsa (PPA) USIM terus mempergiatkan usaha tersebut dengan memilih Selatan Thailand sebagai

destinasi mempromosikan peluang pengajian kepada pelajar negara jiran itu untuk menuntut di USIM.

Program lima hari yang dilakukan oleh delegasi USIM itu meliputi lima daerah di Selatan Thailand iaitu Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Hatyai.

Antara sekolah yang dikunjungi adalah Sekolah Thamvitya Mulniti (Yala), Sekolah Darunsat (Sai Buri), Madrasah Darussalam (Narathiwat) dan

Sekolah Mahat Nuruddin (Songkhla).

Menurut ketua delegasi, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda, usaha mengadakan promosi di sekolah agama yang terpilih di Thailand adalah untuk memberikan peluang melanjutkan pengajian kepada kumpulan sasar.

"Kumpulan sasar kami ialah pelajar lepasan sekolah menengah dari aliran agama yang berminat untuk melanjutkan pengajian peringkat

ijazah di USIM.

"Tujuan lawatan ini juga adalah untuk mengenal pasti kelompok masyarakat dan komuniti di selatan Thailand bagi mengusahakan program mobiliti pelajar selain berinteraksi bersama masyarakat setempat," katanya di sini baru-baru ini.

Selain itu, lawatan ke Thailand itu juga turut diisi dengan mengadakan perbincangan lanjutan bersama Education Heritage Foundation (EHF)

mengenai program waqaf dan cadangan penubuhan universiti Islam di wilayah selatan Thailand.

Satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara USIM yang diwakili Muhamad Muda dan Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohammad Alias, manakala EHF diwakili Presiden Areepen Utarasint dan Timbalan Presidennya, Boonya Leeled.